



KENYATAAN MEDIA

KETUA PENGARAH
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

BERKENAAN

MAJLIS SAMBUTAN PELAJAR BARU PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN
JAKIM-IIUM SESI 2018/2019 DAN SIJIL ASAS TAHFIZ AL-QURAN SESI 2018

BERTEMPAT DI DEWAN MUKTAMAR
DARUL QURAN JAKIM
PADA 18 JANUARI 2018

Majlis Sambutan Pelajar Baru pada hari ini adalah untuk pelajar yang mengikuti Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-IIUM dan Sijil Asas Tahfiz Al-Quran. Selain daripada dua program ini, Jakim juga menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Al-Quran & Al-Sunnah DQ-USIM, Program Diploma Tahfiz Al-Quran dan Program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

2. Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-IIUM merupakan usaha Jakim khususnya Darul Quran dalam melahirkan golongan huffaz profesional seperti doktor yang hafiz, jurutera yang hafiz, ahli farmasi yang hafiz dan sebagainya. Sejak program ini diperkenalkan pada tahun 2000 dan sehingga kini, Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran Jakim-IIUM ini telah melahirkan 1,502 orang graduan.

3. Program Sijil Asas Tahfiz Al-Quran pula merupakan penjenamaan semula Program Pensijilan OKUMP (Orang Kelainan Upaya Masalah Penglihatan) yang dijalankan oleh Darul Quran sejak tahun 2008. Program ini dikembangkan lagi pada tahun lepas apabila Darul Quran membuka tawaran kepada satu lagi kategori calon pelajar iaitu kategori Pelajar Luar Negara Minoriti Muslim. Pada tahun ini, program ini dikembangkan lagi dengan penawaran kepada dua lagi kategori baru iaitu **kategori “saudara baru”** dan **kategori etnik keturunan Orang Asli**. Pelajar Program Sijil Asas Tahfiz Al-Quran yang berjaya bergraduasi akan ditawarkan menyambung pengajian ke peringkat Diploma Darul Quran Jakim.

Unit Komunikasi Korporat & Pengantarabangsaan
Darul Quran Jakim
Jalan Hamzah, Ampang Pecah
44000 Kuala Kubu Bharu
Selangor Darul Ehsan

4. Bagi program Pensijilan Jakim-IIUM ini, Darul Quran telah menerima **1,545** permohonan dari seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, **374** calon yang layak untuk ditemuduga. Seramai **326** calon telah menghadiri sesi temuduga yang diadakan di tiga pusat temuduga iaitu di Darul Quran Kuala Kubu Bharu, Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Sabah dan Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak. Daripada semua jumlah di atas, Darul Quran hanya menerima kemasukan bagi **140** orang pelajar sahaja iaitu **80** orang pelajar lelaki dan **60** orang pelajar perempuan.

5. Bagi kemasukan pelajar program Sijil Asas Tahfiz Al-Quran pula, Darul Quran telah menawarkan tempat kepada **10 orang** pelajar yang diambil dari seluruh Malaysia, iaitu:

i. Tiga orang daripada kategori OKU Penglihatan;

- seorang daripadanya juga merupakan “Saudara Baru”. Beliau juga pernah mendapat Johan dalam Pertandingan Hafazan Kategori Saudara Baru OKU Peringkat Kebangsaan Tahun 2017.

ii. Enam orang daripada kategori “saudara baru”;

- dari kaum Dusun, Sungai, Kagayan, Murut dan bangsa Cina.

iii. seorang pelajar daripada kategori etnik keturunan Orang Asli Temiar.

6. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua pelajar baru yang telah terpilih untuk mengikuti pengajian di Darul Quran pada tahun ini sama ada bagi Program Pensijilan Jakim-IIUM mahupun Program Sijil Asas Tahfiz Al-Quran.

Sekian

TAN SRI DATO’ HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA
18 Januari 2018

Unit Komunikasi Korporat & Pengantarabangsaan
Darul Quran Jakim
Jalan Hamzah, Ampang Pecah
44000 Kuala Kubu Bharu
Selangor Darul Ehsan